

Guan Eng: Hentilah bohong diri sendiri, MCA
Malaysiakini.com
June 10, 2011

Kerajaan Pulau Pinang menafikan dakwaan Presiden MCA Datuk Seri Chua Soi Lek bahawa negeri itu kini mengalami belanjawan defisit ekoran 'kenaikan' tarif air domestik sebanyak 20 peratus.

Ketua Menterinya Lim Guan Eng (kanan) sebaliknya berkata, negeri itu tidak pernah mempunyai rekod belanjawan lebihan atau surplus tiga tahun berturut-turut sejak mengambil alih tampuk kepimpinan daripada BN pada 2008.

Sehubungan itu, merujuk wawancara Chua dengan Malaysiakini semalam, Lim berkata "MCA harus berhenti daripada terus melakukan pembohongan kepada diri sendiri" berhubung perkara itu.

"Chua seharusnya mencari kebenaran melalui fakta, bukannya berbohong dengan memutar belitkan fakta semata-mata untuk meraih populariti dan menyerang Pakatan Rakyat.

"Pakatan tidak sempurna dan bersedia untuk memperbaiki setiap kelemahan yang dilakukan tetapi Pakatan berbeza dengan BN kerana tidak memanjakan diri dengan rasuah dan kroni," kata Lim yang juga setiausaha agung DAP.

Dalam wawancara itu, Chua (kiri) juga berkata, Kedah juga akan senasib dengan Pulau Pinang. Kedua-dua negeri itu juga didakwa makin teruk pada tahun depan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Lim berkata, Pulau Pinang mencatat surplus yang paling tinggi dalam sejarah dengan RM88 juta pada tahun 2008, RM77 juta pada tahun 2009 dan RM33 juta pada tahun 2010.

Malah, tambahnya, Laporan Ketua Audit Negara mengesahkan, Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai pengurusan kewangan yang baik selama dua tahun berturut-turut, malah merupakan satu-satunya negeri dipuji Transparency International kerana berjaya memerangi rasuah.

Mengulas kenaikan tarif elektrik, Lim menafikan menaikkan tarif untuk pengguna domestik, sebaliknya hanya mengenakan surcaj pemuliharaan air kepada "mereka yang membazirkan air".

"Chua tidak jujur kerana memutar belitkan perbezaan ini," katanya.

"Sekiranya Chua tidak gembira dengan kenaikan ini, mengapa beliau tidak menentang kenaikan tarif air di Johor, yang mana tarif air di Johor adalah 3-6 kali lebih tinggi daripada Pulau Pinang?"